

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam proses membuat penilaian tentang kebaikan yang mampu dimiliki oleh negara, pelbagai pertimbangan dan konsultasi domestik yang meluas telah diambil kira. Dalam tahun 2013, pihak Kementerian telah mengadakan lebih daripada 50 sesi pertemuan bersama pihak berkepentingan untuk berkongsi pendirian negara dan mendapatkan pandangan serta maklum balas mengenai penyertaan Malaysia dalam TPPA serta sensitiviti industri tempatan. Amalan proses konsultasi ini diteruskan dalam tahun 2014 ini dengan pelaksanaan lebih daripada 30 sesi konsultasi.

Ingin saya tegaskan bahawa objektif Kerajaan dalam rundingan TPPA adalah amat jelas iaitu kepentingan negara mesti dipertahankan, kita tidak terdesak untuk menyertai proses rundingan ini dan Malaysia hanya berunding dengan terma-terma yang boleh di terima pakai negara. Pada peringkat rundingan, adalah penting untuk Malaysia menyertai dan meneruskan rundingan supaya kita dapat menetapkan perkara-perkara yang kita ingin ketengahkan dan kita dapat menyuarakan perkara-perkara yang menjadi kebimbangan kita dan ingin kita lindungkan.

Rundingan masih lagi berjalan. Oleh itu, bagi menjawab soalan Yang Berhormat, Kerajaan hanya akan menandatangani TPPA sekiranya ia membawa kebaikan kepada negara dan rakyat secara keseluruhannya.